

21 APR 1997

Sultan-MB (Bergambar)

PELANTIKAN MB BARU SELANGOR DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru, yang dijangka diumumkan hari ini, ditangguhkan.

Sultan Selangor memberitahu pemberita selepas menerima menghadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Istana Selangor di sini petang ini bahawa baginda belum mendapat calon Menteri Besar yang sesuai.

Apabila ditanya nama yang dikemukakan Perdana Menteri kepada baginda, baginda menjawab: "Nama itu rahsia."

Baginda bertitah bahawa penyandang jawatan Menteri Besar bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib yang meletak jawatan itu Isnin lepas, perlu "diselidik dan ditapis" bagi memastikan mereka benar-benar bersih.

Dalam nada yang serius, Sultan berkata: "Jangan pisang berbuah dua kali. Mesti pilih betul-betul."

Apabila ditanya apakah kriteria seorang Menteri Besar yang baginda berkenan, Sultan bertitah: "Tak perlu pengalaman, tapi perlu jujur".

Baginda juga tidak mahu Menteri Besar yang mencari kekayaan "untuk diri sendiri." Selangor, titah baginda, mempunyai banyak pemimpin tetapi "tidak sesuai."

Terdahulu dari itu, Dr Mahathir memberitahu pemberita bahawa beliau tidak perlu terburu-buru untuk membuat keputusan mengenai pelantikan Menteri Besar yang baru.

"Saya perlukan sedikit masa lagi," katanya selepas pertemuan "empat mata" selama 45 minit itu.

Katanya: "Tidak ada masalah. Saya tidak perlu terburu-buru.

"Saya maklum kepada Tuanku saya akan mengambil masa sedikit sebelum buat keputusan...itu sahaja, tak ada hal lain."

Apabila ditanya berapa banyak calon yang telah dimasukkan dalam senarai terpilih untuk mengisi jawatan itu, beliau menjawab: "Tidak, saya tidak ada menyenaraikan apa-apa."

Sebelum menghadap Sultan, Dr Mahathir telah bertemu anggota-anggota Exco kerajaan negeri Selangor di pejabatnya.

Apabila ditanya mengenai pertemuan itu, beliau berkata: "Exco memberi mandat penuh kepada saya untuk membuat pilihan dan (dalam pada itu) mereka akan meneruskan tugas mereka seperti biasa."

Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat memberikan sebarang tempoh masa untuk memilih calon yang "boleh diterima oleh semua."

Apabila ditanya sama ada beliau mempunyai calon pilihannya memandangkan adanya spekulasi oleh akhbar-akhbar, beliau berkata: "Saya tidak tahu mengenai sesiapa yang diramalkan dalam akhbar. Saya tidak baca akhbar itu."

Beliau berkata setiap anggota Dewan Undangan Negeri layak untuk dipertimbangkan bagi jawatan itu, sambil menambah: "Kami akan memilih orang yang sesuai."

Sultan Selangor turut bertitah yang baginda akan ke London esok untuk bercuti sehingga 29 Mei dan baginda menjangkakan Perdana Menteri akan menghadapnya lagi mengenai pelantikan Menteri Besar itu dalam tempoh dua minggu.

"Terpulang kepada Dr Mahathir. Keputusan itu, tunggulah dua minggu lagi," titah baginda.

Baginda juga melahirkan rasa kesal tentang pemindahan hak milik tanah di Selangor di bawah kerajaan pimpinan Muhammad, yang meletak jawatan ekoran menghadapi dua tuduhan di Australia kerana didakwa gagal

mengisytiharkan wang tunai bersamaan nilai RM2.4 juta di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Dis lepas.

"Selangor negeri yang sangat penting. Tak boleh buat pisang berbuah dua kali. Tak boleh banyak kerugian atau menyeleweng.

"Saya kesal. Kalau tanah habis, mana saya nak lari? Banyak ada tanah habis dia orang ambil...tak kan saya nak lari ke Pulau Ketam," titah baginda.

Baginda juga sedih tentang "banyak peristiwa" yang membabitkan Menteri Besar Selangor.

"Saya kasihan kepada Perdana Menteri yang terpaksa menghadapi semua peristiwa itu," titahnya.

Menurut baginda, beberapa Menteri Besar Selangor sebelum ini juga menghadapi pelbagai masalah peribadi. -- BERNAMA

ZAB/MS NMO RON